



# **GARIS PANDUAN PARIT TERTUTUP BAGI PEMBANGUNAN BARU DI SEBERANG PERAI**

**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Pembinaan Parit Tertutup bagi Pembangunan Baru di Seberang Perai ini disediakan oleh Jabatan Kejuruteraan bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak pemaju dan pihak-pihak yang berkaitan yang ingin mencadangkan rekabentuk parit tertutup bagi sesebuah kemajuan atau cadangan pembangunan di Seberang Perai.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Jabatan Kejuruteraan pada masa kini sering menerima permohonan daripada pemaju perumahan mahupun pembangunan lain yang mencadangkan supaya dibina parit jenis tertutup di sesuatu kemajuan.

2.2 Ini adalah kerana, pemaju-pemaju berkenaan berpendapat parit tertutup ini adalah lebih praktikal untuk digunapakai pada masa kini disamping dapat menambahkan nilai estetika di kawasan kemajuan tersebut.

2.3 Kajian dan pemerhatian yang dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan mendapati cadangan berkenaan adalah relevan disamping dapat mengurangkan kos penyenggaraan penggantian penutup parit dan 'railing' yang sering dicuri.

2.4 Pembinaan parit tertutup ini juga lebih selamat di mana dapat mengelakkan orang ramai terutamanya kanak-kanak terjatuh ke dalam parit serta menjimatkan kos pembinaan kepada pemaju kerana tidak perlu menyediakan 'railling'

2.5 Walaubagaimanapun, masalah yang dihadapi apabila parit tertutup ini digunapakai adalah ia menyukarkan kerja-kerja cucian parit yang dilaksanakan oleh pihak MPSP, dari segi kekurangan peralatan yang lengkap dan sumber manusia.

2.6 Untuk makluman, pada ketika ini tiada garis panduan khas yang sedang digunapakai menyebabkan tiada kawalan di dalam penyediaan parit tertutup ini.

2.7 Oleh yang demikian bagi mengelakkan perkara ini berulang, garis panduan ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang ingin mencadangkan atau menyediakan parit jenis tertutup.

### **3.0 CIRI-CIRI CADANGAN PARIT TERTUTUP**

3.1 Cadangan parit bertutup yang dibenarkan ialah parit jenis konkrit bersaiz 900mm dan keatas. Parit konkrit bersaiz kurang daripada 900mm adalah tidak di benarkan.

3.2 Parit konkrit tertutup tersebut haruslah mempunyai lubang bukaan penyelenggaraan seperti berikut:

- i) Parit bersaiz 1200mm hingga 900mm - Lubang penyelenggaraan yang perlu di sediakan ialah bersaiz 600mm x 600mm pada jarak 6m setiap satu.
- ii) Parit 1500mm dan ke atas - Lubang penyelenggaraan yang perlu di sediakan bersaiz 600mm x 1200mm pada jarak 12m setiap satu.

3.3 Penutup lubang bukaan tersebut mesti dari jenis 'MS Grating' atau bahan lain yang seumpamanya dengannya. Penutup lubang berkenaan haruslah sekurang-kurangnya setara atau lebih dari segi kekuatan dan ketahanan. Pemaju perlu mencadangkan jenis penutup lubang bukaan berkenaan di dalam Pelan Jalan dan Parit.

### **4.0 SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI**

4.1 Pemaju perlu mencadangkan parit tertutup tersebut semasa di peringkat perancangan dan peringkat Kelulusan Pelan Jalan dan Parit.


4.2 Cadangan parit bertutup adalah di galakkan untuk digunapakai di keseluruhan kawasan sesuatu pembangunan tersebut. Ini adalah bagi mengelak masalah parit bertutup tersebut dimasuki sampah sarap dan juga sisa binaan yang akan menyebabkan berlakunya parit tersumbat.

4.3 Jika sambungan parit dari pembangunan sediada yang berhampiran adalah jenis yang tidak tertutup ( terbuka ) dan memasuki cadangan parit tertutup maka di setiap penyambungan parit tersebut perlu dipasang dengan perangkap sampah bagi mengelak sampah sarap memasuki parit tertutup tersebut.

### **5.0 PENUTUP**

Garis Panduan ini dicadangkan untuk digunapakai bermula Februari 2014.


**LAMPIRAN**  
**CADANGAN REKABENTUK PARIT TERTUTUP**



Gambar 1: Contoh parit tertutup saiz 900mm



Gambar 2: Contoh parit tertutup saiz 1200mm



Rajah 1: Cadangan rekabentuk lubang penyenggaraan